

# Perlumbaan rimba di Pulau Tioman bakal berlangsung pada 9 hingga 13 Mei depan

## SASTIEC 2017 lebih mencabar



hoGOOn  
VISITPAHANG  
MALAYSIA2017

Oleh GHAZALI ALIAS

**KUANTAN** – Acara sukan lasak Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco-Challenge (SASTIEC) 2017 di Pulau Tioman, Rompin yang berlangsung pada 9 hingga 13 Mei depan bakal menampilkan kelainan termasuk perlumbaan rimba yang lebih mencabar sempena 10 tahun penganjurannya.

Buat julung-julung kalinya, acara tersebut turut akan menganjurkan Pertandingan Paintball Antarabangsa di Kampung Juara bagi menarik lebih banyak penyertaan dan pengunjug dari dalam serta luar negara.

Pengerusi SASTIEC, Leftenan Kolonel Datuk Seri Tengku Kamarulzaman Sultan Abu Bakar berkata, bagi penganjuran tahun ini, jarak perlumbaan akan ditingkatkan daripada 30 kilometer (km) kepada 50km bermula dari Dataran Tiong, Kampung Tekek.

“Bersempena Tahun Melawat Pahang 2017 dan penganjuran edisi ke-10 acara itu, SASTIEC 2017 akan menampilkan perlumbaan yang lebih mencabar dengan penambahan jarak perlumbaan serta laluan baharu melibatkan Gunung Kajang.



TENGGU KAMARULZAMAN (depan, dua dari kiri) dan Mohd. Sharkar (Kiri) berbual bersama Ahli Jawatankuasa Induk SASTIEC 2017 selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa tersebut di Rumah Tamu, Taman Gelora, Kuantan semalam.



“Penganjuran Pertandingan Paintball Antarabangsa juga bakal merencanakan SASTIEC 2017 di samping aktiviti bersama komuniti melibatkan semua penduduk di pulau pelancongan tersebut,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk SASTIEC 2017 di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Ke-

budayaan Pahang, Datuk Seri Mohd. Sharkar Shamsudin.

SASTIEC 2017 dianjurkan oleh SAS Eco Challenge Sdn. Bhd.

Tengku Kamarulzaman yang lebih dikenali sebagai Tengku Intan memberitahu, SASTIEC 2017 bakal menawarkan hadiah lumayan sehingga RM10,000 kepada pemenang acara perlumbaan tersebut.

Beliau yang juga Pegawai Memerintah Batalion Pertama



TENGGU KAMARULZAMAN (kiri) melepaskan peserta SASTIEC 2016 di Dataran Tiong, Kampung Tekek tahun lalu.

Rejimen 505 Askar Wataniah berkata, aspek keselamatan dan logistik juga diperkukuhkan bagi menampung kehadiran pelancong termasuk dari luar negara melibatkan 250 peserta SASTIEC 2017 dan 1,000 peserta Pertandingan Paintball Antarabangsa.

“Kita harap SASTIEC 2017 akan mendapat sambutan hangat daripada pelancong dari dalam dan luar negara terutama bersempena Tahun Melawat Pahang 2017.

“Penganjuran acara tersebut juga dapat membantu penduduk tempatan menjana pendapatan sampingan selain menampilkan Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan terbaik di Malaysia,” ujarnya.

SASTIEC 2017 melibatkan kategori tempatan, antarabangsa dan veteran. Pendaftaran penyertaan boleh dilakukan melalui laman web [www.eco-challenge.com.my](http://www.eco-challenge.com.my) dengan yuran sebanyak RM50 bagi setiap peserta.

### INFO SASTIEC 2017

- Diperkenalkan sejak tahun 2008.
- Diinspirasi oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah Sultan Abu Bakar yang cintakan alam semula jadi, aktiviti mencabar termasuk sukan air.
- Perlumbaan rimba yang memerlukan peserta mengharungi laluan berhalangan dalam hutan semula jadi di Pulau Tioman, Rompin, Pahang.
- Dianggap perlumbaan rimba paling mencabar di Asia Tenggara kerana peserta perlu merentasi laluan hutan, gaung dan mendaki gunung untuk sampai ke garisan penamat.
- Melibatkan kategori antarabangsa, tempatan dan veteran dengan jarak perlumbaan sejauh 50 kilometer.

**Penganjur:** SAS Eco Challenge Sdn. Bhd.

**Alamat:** C1-1-2 Solaris Dutamas, No.1, Jalan Dutamas 1, Kuala Lumpur.

**Telefon:** 03-6206 3830 / 013-323 1283

**Faks:** 03-6206 3880

**Laman web:** [www.eco-challenge.com.my](http://www.eco-challenge.com.my)